

Mahathir - Demokrasi

DEMOKRASI TIDAK BERERTI JIKA HURU-HARA, KATA MAHATHIR

Daripada Azman Ujang

(Embargo: Untuk siaran selepas pukul 6 petang, 13 Feb)

DHAKA, 13 Feb (Bernama) -- Demokrasi bukan jaminan kejayaan sesebuah negara dan tidak bererti jika terdapat huru-hara dan kacau-bilau, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sistem demokrasi hanya satu cara tetapi matlamatnya ialah kestabilan sosial dan politik bagi pembangunan ekonomi dan kesejahteraan rakyat, katanya pada jamuan sivik di mana beliau dihadiahkan anak kunci bandaraya Dhaka, pada hari kedua daripada lawatan rasmi tiga hari beliau ke Bangladesh.

Datuk Bandar Dhaka Abbas Nizami menyampaikan kunci simbolik itu kepada Dr Mahathir pada satu majlis di hadapan Jatiyo Sangshad, Parlimen Bangladesh. Turut hadir ialah Perdana Menteri Bangladesh Begum Khaleda Zia, duta asing di sini dan pegawai kanan kerajaan.

Bangunan Jatiyo Sangshad mungkin bangunan Parlimen paling indah dan menawan di Asia, yang melambangkan komitmen dan penghormatan Bangladesh kepada prinsip demokrasi, yang menjadi tema ucapan Dr Mahathir pada majlis itu.

"Demokrasi tidak boleh wujud demi demokrasi semata-mata. Demokrasi tidak bererti jika ia gagal memperkukuhkan kehidupan dan huru-hara serta kacau-bilau menjadi satu cara hidup," katanya. -- Lagi

▼13/02/16-37MST

CNS1535

R GB 13-02 00133 BC978

bah

Mahathir - Demokrasi 2 Dhaka (Embargo)

Dr Mahathir berkata pemilihan kerajaan yang sah melalui proses demokrasi sepatutnya membawa kepada peningkatan dan bukan gangguan kepada kegiatan sosial, politik dan ekonomi.

"Kerana itu penting demokrasi dan pembangunan dalam semua bidang berjalan seiring tanpa demokrasi menjadi liabiliti kepada demokrasi," tambahnya.

Dalam menolak sistem demokrasi sebagai jaminan bagi kejayaan sesebuah negara, beliau berkata setiap negara demokrasi sama ada kecil atau besar, perlu menentukan nasibnya sendiri dan mencari tempatnya dalam masyarakat antarabangsa.

Beliau berkata setiap negara demokrasi perlu menerima semua kekuatan dan sumber serta kelemahan yang diwarisinya.

Ia juga perlu dibantu oleh kebijaksanaan dan wawasan para pemimpinnya, kemahiran pentadbiran birokrasi, dinamisma keusahawanan sektor swastanya, disiplin para pelajar dan pekerjaannya serta kesetiaan angkatan tentera. -- Lagi

▼13/02/16-45MST

CNS1548

R GB 13-02 00121 BC979

bah

Mahathir - Demokrasi 3 Dhaka (Embargo)

"Mungkin yang paling penting sekali ialah sokongan rakyat. Bekerja keras tetap menjadi keperluan utama dan tanpanya tidak ada dasar, betapa teguh pun, boleh dilaksanakan dengan jaya," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata tidak ada negara membangun, bagaimanapun, dapat melaksanakan demokrasi dalam erti kata sebenar seperti difahamkan oleh Barat.

"Bagi Barat sendiri apa yang sempurna hari ini mungkin tidak elok esok," katanya.

Dr Mahathir menggesa negara membangun untuk menentukan keutamaan mereka dengan penumpuan kepada pembangunan ekonomi untuk manfaat rakyat.

Baigaimanapun, Perdana Menteri berkata mengharapkan negara membangun mengqantikan pembangunan dengan satu konsep asing seperti demokrasi sempurna boleh membawa kepada penghapusan demokrasi itu sendiri. -- Lagi

CNS1563

R GB 13-02 00139 BC980

bah

Mahathir - Demokrasi 4 Dhaka (Embargo)

Beliau menggesa negara-negara mengambil jalan pertengahan dan sederhana dalam semua tindakan dan menambah kata, hak melaksanakan demokrasi mesti tidak mengancam kepentingan kestabilan dan kesejahteraan rakyat.

Dr Mahathir juga berkata dalam dunia yang tidak ada keadilan pembahagian kemewahan dan peluang, adalah patut mereka yang lebih mewah membantu mereka yang memerlukan.

Beliau mengesakan negara-negara yang memberi bantuan yang menggunakannya sebagai lesen dan syarat bagi memaksa dasar mereka ke atas negara lain.

"Kerana itu, Malaysia berusaha keras untuk membebaskan dirinya daripada bergantung ekonomi supaya kemerdekaan yang dicapai dalam tahun 1957 bermakna. Ia bukan satu tanggungjawab mudah atau dicapai sepenuhnya, tetapi memang sesuatu yang baik itu sukar dicapai," tambahnya.

"Kemerdekaan ada harganya. Tidak ada benda dalam dunia ini atau akhirat yang percuma". -- Lazi

♥13/02/17-30MST

CNS1573

R GB 13-02 00082 BC981

bah

Mahathir - Demokrasi 5 (Akhir) Dhaka (Embargo)

Mengenai Bangladesh, Dr Mahathir berkata ia boleh mencapai pembangunan dengan komitmen kuat kerajaan yang adil dan sokongan rakyatnya yang rajin.

Malaysia, katanya, memahami masalah yang dihadapi oleh kerajaan Bangladesh dalam usaha mewujudkan negara yang progresif.

"Dalam analisis terakhir, setiap negara perlu berusaha untuk dirinya sendiri dan hanya boleh dihormati jika ia dapat mengurus dirinya lebih baik daripada negara lain," tambah beliau. -- Bernama

♥13/02/17-43MST